

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai jenayah buli yang berlaku khususnya dalam sektor pendidikan berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh para pengkaji terdahulu. Tumpuan diberikan kepada kajian lepas yang meneliti aspek dan elemen buli dalam sektor pendidikan Islam agar perbincangan bab ini dapat beroleh kefahaman yang lebih mendalam sepanjang kajian ini dijalankan. Secara keseluruhannya bab ini mengandungi empat bahagian utama iaitu pendidikan di Malaysia, pendidikan Rasulullah saw, definisi gejala buli dan seterusnya gejala buli dalam sektor pendidikan di Malaysia.

2.2 Pendidikan di Malaysia

Pendidikan mengikut Plato ialah suatu proses membentuk individu yang berakhlak mulia. Menurut Jean Jacques Rousseau pula, pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula dari masa kanak-kanak lagi. Manakala menurut Aristotle pula pendidikan sebagai ilmu yang bersifat etikal dan politikal bertujuan memberikan peluang kepada setiap warganegara untuk mencapai kebahagiaan hidup. Proses pendidikan akan melatih warganegara mematuhi peraturan dan tingkah laku yang baik dan cekap dalam pengurusan pentadbiran dan berupaya mempertahankan kedaulatan negara.

Pendidikan di Malaysia telah mencapai pelbagai perubahan dan kemajuan sejak mencapai kemerdekaan pada 1957 lagi. Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan

sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis kepada sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Rentetan daripada itu sistem pendidikan di Malaysia terus mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan pelbagai pelan dan rancangan pendidikan bagi memajukan sektor pendidikan di Malaysia. Antara pelan atau rancangan pendidikan yang telah diperkenalkan ialah Akta Pendidikan 1961, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1983, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1989, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan yang terakhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Semua pelan dan rancangan pendidikan yang diperkenalkan adalah bertujuan membangun, membentuk dan mendorong untuk memiliki keperibadian yang baik (Muhammad Saiful Islam, 2019). Pendidikan bukan hanya sekadar membangunkan kecerdikan manusia dan meningkatkan kecerdasannya, malah mengabung jalinkan seluruh aspek jati diri manusia itu sendiri.

Pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan boleh menatijahkan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterimanya. Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Ia juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan.

Mook Soong Sang (1991) merumuskan bahawa pendidikan ialah satu proses atau aktiviti yang berusaha untuk memperkembangkan fizikal, intelek, sosial dan emosi

individu serta menambahkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat memberi kegembiraan, faedah dan kemajuan dalam kehidupannya, membantu dan mendorongnya untuk bertindak dengan cara yang lebih sihat bagi faedah diri sendiri, masyarakat, agama, bangsa dan Negara.

Pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan sebuah masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk di mana setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat. Dasar pendidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk memberi pelajaran di sekolah semata-mata tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa dan negara. Melalui sistem persekolahan, masyarakat dibentuk dengan memberi pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, dan warna kulit.

Pendidikan adalah kunci utama 'pengeluaran' atau 'hasil' kehidupan. Pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi mampu memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup seseorang (Ahmad A 2008). Sistem persekolahan yang terbaik adalah sistem pesekolahan yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia, di mana ia tidak hanya terhenti apabila seseorang individu tamat persekolahan atau tamat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangan bagi memartabatkan bangsa dan negara (Mior Khairul 2011).

Justeru itu, penyediaan individu sebagai tenaga kerja merupakan agenda utama pendidikan (Yuli 2017). Hal ini kerana, pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima (Samruhaizad, 2017).

2.3 Pendidikan Rasulullah SAW

Islam hadir dan menempatkan pendidikan pada kedudukan yang sangat utama dan tertinggi (Bahri, S. 2022). Perutusan nabi Muhammad s.a.w sebagai rasul merupakan titik permulaan kepada satu era baru dalam bidang pendidikan. Pelaksanaan pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w yang terdiri daripada metode, kurikulum, tempat pendidikan, dasar, tujuan dan sebagainya bersinambungan dengan pelaksanaan tarbiah Islamiah, baik secara teori mahupun praktikal (Nawi, M. Z. M. 2020). Pendidikan pada zaman Rasulullah saw sehingga sekarang adalah merupakan satu manifestasi kepada wahyu yang diturunkan dengan beberapa tujuan utama (Al-Faruqi, A. R. H., & Darma, A. J. 2023). Antaranya adalah menyeru manusia kearah akidah yang benar, melakukan kebaikan dan meninggalkan perbuatan keji dan mungkar.

Ibn Khaldun meriwayatkan bahawa sebelum kedatangan islam, penduduk di semenanjung tanah arab khususnya di Makkah adalah buta huruf, hanya sebilangan kecil daripada mereka sahaja yang tahu menulis dan membaca antaranya ialah Sufyan Bin Umayyah dan Abdul Qais Bin Abdul Manaf. Pada peringkat awal kedatangan islam terdapat hanya 17 orang arab Quraish yang tahu membaca dan menulis dan mereka yang memeluk islam pada peringkat awal akan menjadi penulis wahyu kepada Rasulullah saw. Diantara mereka yang terlibat dengan penulis wahyu tersebut adalah Zaid Bin Thabit, Ubai Bin Kaab, Muaz Bin Jabbal dan Muawiyah Bin Abi Suffian.

Pendidikan bersepadu telah diamalkan sejak zaman nabi Muhammad s.a.w. dengan menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai panduan dan sumber ilmu (Rashed, Z. N., et al., 2016). Pendidikan yang berpaksikan kepada konsep Tauhid telah dinyatakan dengan jelas dari segi matlamat dan konsep yang mendasarinya (Suhid A. 2008). Generasi pertama didikan Rasulullah s.a.w. selama 23 tahun di Makkah dan Madinah dikenali sebagai generasi al-Quran atau '*Jail al-Qur'an*'.

Pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu pendidikan di Mekah dan pendidikan di Madinah. Perbincangan ini akan menyentuh tentang perkembangan pendidikan di kedua-dua tempat bagi memperlihatkan perkembangan kurikulum pendidikan Islam yang menjadi asas bidang pendidikan umumnya. Pertambahan penganut agama Islam telah membentuk satu sistem pendidikan Islam yang lebih tersusun. Lokasi pendidikan Islam yang pertama adalah di rumah Baginda saw sendiri dan kemudiannya di rumah Al-Arqam ibn Abi Al-Arqam di As-Safa, Mekah pada tahun 610 M. Pendidikan tersebut telah diatur dan dikendalikan sendiri oleh nabi Muhammad s.a.w. secara sembunyi selama kira-kira tiga tahun.

Setelah baginda berhijrah ke Madinah, masjid Quba dan masjid Nabawi didirikan dan secara tidak langsung berlaku perubahan kepada sistem pendidikan yang mana masjid mula dijadikan tempat untuk menuntut ilmu. Bentuk pendidikan yang dijalankan ialah berbentuk usrah dan halaqah serta kurikulumnya untuk memperkuat persaudaraan Islam dan menghakis sisa-sisa permusuhan dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek ibadah kepada Allah swt.

Kurikulum pendidikan Rasulullah saw adalah berpaksikan kepada tiga tunjang utama iaitu akidah, syariah dan akhlak (Kasran, M. H. M. 2021). Ketiga-tiga asas ini telah menjadikan agama Islam sebagai sebuah agama yang lengkap dan sangat sesuai dengan fitrah kemanusiaan. Pengertian akidah dalam Al-Quran adalah keimanan kepada Allah SWT iaitu mengakui kewujudan-Nya. Dari segi fungsinya Allah SWT sebagai Rabb (رب), Malik (ملك), dan Ma'bud (مَعْبُود) atau Ilah (إله) seperti dapat dilihat dalam Surah Al-Fatihah ayat 2, 4, 5 dan Surah An-Nas ayat 1, 2 dan 3. Fungsi akidah dapat disifatkan sebagai benteng atau pasak yang paling teguh bagi memelihara dan mengawasi segala

bentuk penyelewengan, penyesatan dan syak wasangka yang menyerang pemikiran masyarakat Islam.

Akidah Islam bukanlah hasil daripada pemikiran manusia atau makhluk yang sama taraf dicipta walaupun hebat dan tinggi pemikiran tersebut. Akidah merupakan satu elemen yang dikehendaki oleh Islam sebagaimana ia dapat menyamakan dan menyatukan orang Arab, Roman, Parsi, dan keturunan lain yang berbeza warna kulit di bawah satu naungan dan kekuasaan Allah SWT (Yalawae & Ismail 2011). Kehidupan tanpa akidah seumpama kehidupan binatang di mana ia hanya memikirkan untuk memenuhi isi perut dan melepaskan keinginan hawa nafsu liar semata-mata (Ismail, 2011).

Kurikulum pendidikan yang Rasulullah ketengahkan ialah aspek syariah atau tasyri' yang sering didefinisikan sebagai penetapan hukum bagi kehidupan manusia samaada hubungannya dengan tuhan ataupun sesama manusia. Aspek hukum yang termasuk dalam kategori syaria'ah itu mencakupi aturan tentang hubungan antara manusia dengan Allah yang disebut sebagai 'ubudiyah.

Manakala pendidikan akhlak yang dibawa oleh Rasulullah saw diorientasikan kepada pembentukan pribadi muslim yang konsisten dalam mengesakan Allah. Pembentukan keperibadian muslim memang merupakan cita-cita pendidikan Islam, tidak terkecuali aspek pendidikan keimanan. Kepribadian muslim yang diinginkan dengan menerapkan nilai-nilai keimanan kepada anak iaitu suatu keperibadian yang memiliki nilai-nilai agama Islam, memilih dan membuat keputusan berdasarkan nilai-nilai Islam dan bertanggungjawab sesuai dengan nilai-nilai Islam. Kehidupan pribadi muslim adalah kehidupan yang mengidentifikasikan diri kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah swt.

Penilaian watak dan perilaku seorang muslim adalah dengan akhlak. Ketika akhlak seseorang terkontaminasi dengan nilai-nilai yang bertentangan dengan syariat Islam maka ia berkepribadian yang buruk. Sebaliknya, orang yang berwatak sesuai ajaran al-Qur'an dan hadis maka akhlaknya terpuji. Ukuran baik dan buruk akhlak seseorang dapat dilihat dari segi syariat Islam kerana syariat adalah undang-undang yang mengatur kehidupan umat manusia (Masfiah, 2015).

Perilaku dan adab yang mulia adalah cermin kepada ketakwaan dan keimanan dalam diri seseorang. Aqidah seseorang mempengaruhi pandangan hidup, perilaku serta amal seharian yang dilakukannya. Jika aqidah atau iman seseorang itu subur, sudah tentu akhlaknya, yang diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku dan tindak tanduk seseorang dalam pelbagai muamalah sehariannya juga adalah baik dan begitulah juga sebaliknya. Justeru manusia dituntut agar menunjukkan akhlak serta perilaku yang baik dalam pergaulan sehariannya dengan masyarakat sekeliling. Akhlak serta budi pekerti mulia seharusnya lahir secara ikhlas dari aqidah yang suci dan bukannya dari kepura-puraan.

Menurut (Al-Musanna 2011) dan (Husein 2018) memberikan ulasan bahawa, silibus pendidikan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w di Mekah meliputi empat dasar utama iaitu *diniyah* yang mmebawa maksud menanam kesedaran tentang setiap amalan manusia bertaut erat dengan Allah swt, *akliyah dan ilmiyah*, mengaktifkan dan mensucikan potensi akal daripada mitos dan kepercayaan karut marut dan yang ketiga ialah *akhlakiah dan adabiah* iaitu memperbaiki kesucian hubungan manusia dengan manusia ataupun manusia dengan tuhan. Manakala silibus pendidikan yang terakhir ialah *jasmaniah* yang menekankan penjagaan tubuh badan dari penyakit dan perkara yang memudaratkan.

2.4 Definisi Gejala Buli

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia buli adalah perbuatan oleh seorang atau beberapa orang yang menggunakan kekuatan atau kekerasan yang menakutkan, mengganggu, menghina atau menyakitkan orang lain melalui pelbagai kaedah, sama ada secara fizikal, mental atau emosi yang mengakibatkan kecederaan fizikal atau gangguan emosi kepada mangsa. Menurut Olweus definisi buli terdiri daripada empat elemen, (1) perbuatan mencederakan seseorang, (2) perbuatan yang disertakan niat untuk mencederakan seseorang (perbuatan yang agresif), (3) berlaku berulang kali, (4) kuasa yang tidak seimbang membuatkan mangsa tiada daya untuk mempertahankan dirinya (Smith, 2018). Jenayah buli merupakan satu tingkah laku agresif yang berulang kali dengan tujuan mengasari individu lain bagi menunjukkan kekuatan masing-masing seterusnya memberi kesan yang negatif terhadap mangsanya (Abd Rahman, 2017). Menurut Rigby (1996) pula, tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa.

Definisi perlakuan buli yang diberikan oleh undang-undang Britain ialah suatu keganasan fizikal atau psikologi yang sudah terjadi dalam satu jangka masa yang lama, yang dilakukan oleh seseorang atau satu kumpulan individu lain yang tidak mampu mempertahankan dirinya. Perbuatan ini merupakan perbuatan yang disadari dan untuk menyakiti, mengancam atau menakutkan individu itu atau meletakkannya di bawah tekanan (Naylor, *et al.*, 2006).

American Psychological Association (2013) mendefinisikan Bullying sebagai: *“a form of aggressive behavior in which someone intentionally and repeatedly causes another person injury or discomfort. Bullying can take the form of physical contact, words or more subtle actions”*. Pengertian tersebut bermakna sebagai suatu bentuk

perilaku agresif yang dilakukan seseorang secara berulang yang menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan pada orang lain.

Donnell (2015) mendefinisikan buli sebagai tingkah laku pelajar atau sekumpulan pelajar yang mengganggu mangsa buli secara emosi atau fizikal untuk jangka masa yang panjang. Sanders dan Phye (2004) memandang buli sebagai penderaan atau menggoda individu dengan tujuan untuk menyesuaikan mangsa dengan persekitaran baru. Pembuli juga membuli mangsa dengan menakut-nakutkan mereka. Orang yang melakukan buli biasanya akan melakukannya berulang kali, bukan hanya sekali (Sanders & Phye, 2004).

Buli mungkin dilakukan oleh seorang pembuli, iaitu secara individu, atau beberapa pembuli yang juga dikenali sebagai buli kolektif terhadap seorang mangsa atau sekumpulan mangsa. Selalunya gejala buli bermula dengan buli lisan yang dilakukan melalui ejekan, panggilan nama dan cemuhan. Bagi buli jenis fizikal pula, ia melibatkan perbuatan seperti memukul, menggigit, menyepak, mencubit, menendang dan menampar. Sekiranya tidak dikawal, buli fizikal akan menyebabkan kematian mangsa buli.

Menurut Smith dan Thompson (1991) buli diertikan sebagai tingkah laku yang dilakukan secara sengaja yang boleh menyebabkan kecederaan fizikal serta psikologi. Tingkah laku buli yang dimaksudkan termasuk tindakan yang bersifat seperti mengejek, mencerca, memukul, menendang, menyepak dan sebagainya.

2.5 Gejala Buli Dalam Sektor Pendidikan Di Malaysia

Di Malaysia, jenayah buli dilaporkan berlaku pada semua peringkat pengajian (Mohamad *et al.*, 2021). Lumrahnya pembuli adalah mereka yang mempunyai sifat sebagai orang lebih kuat, berkuasa dan lebih berkemampuan untuk melakukan tingkah laku buli (Ngo Yew Yung, *et al.*, 2019). Kekuatan ini biasanya boleh diperlihatkan sama ada ia adalah secara berseorangan atau berkumpulan (Pajarillo-Aquino, I. 2018). Mangsa buli adalah biasanya mereka yang lebih lemah dan tidak berkemampuan untuk menandingi kekuatan dan kekuasaan si pembuli (Halim *et al.*, 2022). Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan bahawa perlakuan buli di sekolah adalah sesuatu yang perlu diambil perhatian serius seperti mana di sekolah-sekolah dalam bandar dan luar bandar.

Selain itu, penglibatan pelajar sekolah dalam masalah jenayah buli boleh mengakibatkan kesan yang amat negatif terhadap kehidupan masa hadapan para pelajar (Abdullah 2010). Faktor yang paling ketara dikaitkan dengan jenayah buli adalah penyalahgunaan dadah, tinjauan ini dilakukan terhadap 27 458 responden yang berumur antara 13-17 tahun bagi menilai model pencegahan dan faktor berlakunya jenayah buli dalam kalangan pelajar sekolah seterusnya merancang model pencegahan anti-buli berasaskan sekolah yang lebih berkesan (Tan *et al.*, 2019).

Seterusnya, remaja sekolah yang terlibat dalam jenayah buli boleh berisiko mengalami masalah tingkah laku negatif, masalah mental dan yang lebih parah mempunyai idea untuk membunuh diri (Subramani *et al.*, 2021). Tahap penglibatan buli dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia adalah tinggi iaitu 79.1% pelajar pernah terlibat dalam jenayah buli termasuklah pembuli dan mangsa buli (Remly *et al.*, 2022).

Buli yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia juga disebabkan oleh perasaan iri hati dan dendam terhadap kawan-kawan, kurang perhatian

daripada ibu bapa yang menyebabkan pelajar bertindak agresif untuk mendapatkan perhatian (Ab Aziz *et al.*, 2020). Terdapat juga pelajar yang bertindak agresif kerana mengikut perilaku ibu bapa yang melakukan kekerasan di rumah (Yahaya *et al.*, 2011).

Pusat pemulihan akhlak atau pun pemulihan juvana tidak terkeluar dari mengalami masalah buli dalam kalangan penuntutnya bahkan lebih teruk lagi. Kes buli dalam institusi pemulihan juvana di Malaysia menunjukkan bahawa 95% responden pernah menjadi pembuli dan 99% responden dilaporkan pernah dibuli dalam tempoh satu bulan (Hassan, & Mokhtar 2018). Tingkah laku buli institusi pemulihan juvana di Malaysia telah dinormalisasikan (Nazirah, & Daniella 2018) dan perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana dibimbangi tujuan asal institusi ini ditubuhkan terpesong dari sebuah pusat pemulihan kepada pusat melahirkan pembuli. Sebagai nadi institusi, kakitangan memainkan peranan penting untuk mengawal tingkah laku buli dalam kalangan pelatihnya.

Selain itu, tingkah laku agresif dan keganasan telah menjadi budaya dalam kalangan banduan di pusat pemulihan akhlak (Hassan, *et al.*, 2020). Penglibatan dalam tingkah laku tersebut boleh mengakibatkan kemudaratan fizikal, mental dan emosi yang berpanjangan dalam kalangan banduan sekaligus menghalang proses pemulihan (Sobri 2019). Terdapat 95% banduan melaporkan bahawa mereka melakukan satu aktiviti tingkah laku agresif dalam sebulan. Justeru, dimensi hubungan kakitangan dan penghuni mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pesalah juvana (Mansor 2016).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengeluarkan surat pekeliling kepada pihak sekolah sebagai peringatan dan garis panduan bagi menangani gejala buli yang berlaku di asrama dan di sekolah. Pihak sekolah juga dibenarkan menghukum pelaku buli seperti memberi amaran, menggantung persekolahan, dan

membuang sekolah (Ismail & Othman, 2020). Hukuman lebih berat seperti rotan dan buang sekolah merupakan hukuman terakhir bagi menghukum pelajar yang melakukan buli (Fisol & Samuri, 2020). Terdapat juga beberapa buah sekolah yang memasang kamera litar tertutup (cctv) sebagai salah satu langkah intervensi gejala buli dengan tujuan memantau aktiviti pelajar di sekolah (Ab Aziz *et al.*, 2020).

Kaedah lain perlu dipertimbangkan bagi mendisiplinkan pelajar terutamanya untuk mengawal perlakuan buli kerana pembuli perlu diberikan bimbingan nasihat dan dan mangsa buli memerlukan bimbingan kaunseling dan rawatan bagi mengurangkan kesan trauma akibat daripada perbuatan buli (Yusop, 2015). Bagi menangani kesalahan gejala buli, pelaku buli dan mangsanya perlu melalui proses pemulihan (*restitution*), penyelesaian (*resolusi*), dan perdamaian (*reconciliation*) (Ab Aziz *et al.*, 2020). Pemantauan rapi di sekitar sekolah juga perlu ditingkatkan oleh pihak sekolah bagi memastikan sekolah adalah tempat yang selamat bagi semua peringkat umur untuk menuntut ilmu (Lie *et al.*, 2014).

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada penelitian mengenai kajian-kajian lepas, masih terdapat lagi ruang penyelidikan yang perlu dibuat penambahbaikan. Dalam kajian yang akan dijalankan ini, pegkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai aspek pencegahan buli menurut sudut pandang al-Sunnah. Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi menampung lompang penyelidikan serta melakukan penambahbaikan kepada kajian terhadap jenayah buli dalam sektor pendidikan demi melahirkan modal insan yang cemerlang. Penulis akan mengadakan sesi temubual ke atas responden-responden yang mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan jenayah buli dalam sektor pendidikan untuk mencari solusi terbaik kepada permasalahan ini.